

Mahathir - Raja

TIADA PERUBAHAN BESAR PADA PINDAAN PERLEMBAGAAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tiada perubahan besar yang akan dilakukan terhadap pindaan perlembagaan untuk menghadkan imuniti raja yang diluluskan oleh Parlimen baru-baru ini.

Sambil menyatakan rasa puas hati beliau dengan keputusan Majlis Raja-raja untuk menerima pindaan itu hari ini, Perdana Menteri berkata pengubahsuaian pindaan itu hanya pada urusan Mahkamah khas.

"Saya dah baca (laporan mengenai keputusan Majlis Raja-raja) dan saya berpuas hati tidak ada perubahan besar ...cuma membetulkan cara saja," katanya kepada pemberita selepas menghadiri jamuan malam Memorial Tunku Abdul Rahman Putra di sini malam ini.

Katanya : "Raja-raja tidak boleh dibawa kepada mahkamah biasa. Hanya kepada mahkamah istimewa (mahkamah khas) yang akan ditubuhkan.

"Ini memangpun tujuan kita dari awal lagi. Kita tidak hendak bawa kepada mahkamah biasa," tambah beliau. -- Lagi

▼11/02/23-39MST

CNS0625

U GB 11-02 00159 BM732

BAH

Mahathir - Raja 2 Kuala Lumpur

Satu pengisytiharan bersama Majlis Raja-raja dan kerajaan ditandatangani selepas persidangan majlis itu hari ini, yang antara lain menyatakan satu persetujuan dicapai berhubung dengan pindaan itu.

Majlis raja-raja dan kerajaan juga bersetuju bahawa Rang Undang-undang itu akan dipulangkan oleh Yang di-Pertuan Agong kepada Dewan Rakyat dengan memasukkan beberapa pengubahsuaian yang dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak.

Menurut Dr Mahathir, peruntukan-peruntukan lain dalam pindaan itu diterima.

"Saya rasa lega," katanya ketika diminta mengulas persetujuan yang dicapai dengan Majlis Raja-raja itu.

Mengulas lanjut mengenai perjalanan mahkamah khas itu, Perdana Menteri berkata raja-raja akan dibicarakan oleh mahkamah itu saja.

Katanya : "Raja-raja hanya boleh dibicara di bawah Mahkamah Khas dan tidak ada mahkamah bawah atau mahkamah rayuan.

"Cuma satu mahkamah saja. Di situlah didakwa dan di situlah diputuskan dan lepas itu tidak ada rayuan ...tidak ada perbicaraan di mahkamah rendah," katanya. -- Lagi

▼11/02/23-47MST

CNS0626

U GB 11-02 00101 BH733

BAH

Mahathir - Raja 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata hukuman yang akan dikenakan terhadap raja-raja adalah mengikut hukuman yang terkandung di bawah undang-undang biasa.

Menjawab soalan, beliau berkata segala keistimewaan yang tidak diwartakan akan tetap ditarik balik.

Beliau juga berkata bahawa Jemaah Menteri akan menentukan tarikh persidangan khas Parlimen untuk membahas rang undang-undang itu.

Dr Mahathir juga menegaskan bahawa UMNO tidak pernah mempunyai masalah dengan istana.

Ketika ditanya sama ada beliau menganggap isu itu sudah selesai, beliau berkata : "Setakat yang kita hendak, memang sudah selesai," -- Lagi

CNS0629

U GB 12-02 00160 BH734

BAH

Mahathir - Raja 4 (akhir) Kuala Lumpur

Ketika berucap pada majlis itu, Dr Mahathir memberi penghormatan kepada almarhum Tunku sebagai tokoh yang bertanggungjawab mencipta sistem pertadbiran yang telah membawa keharmonian dan kesejahteraan kepada Malaysia.

Katanya, hasil daripada pandangan jauh Perdana Menteri yang pertama itu Malaysia kini boleh bermegah sebagai negara yang ingin dicontohi oleh banyak negara lain.

"Kita dapati ramai saintis politik dan ketua kerajaan datang ke Malaysia untuk belajar cara-cara kita mewujudkan masyarakat berbilang kaum yang harmoni.

"Negara terhutang budi kepada Tunku. Beliaulah yang mencipta sistem dan cara yang kita warisi sekarang," katanya.

Dr Mahathir berkata kerjasama pelbagai kaum diilhamkan oleh Tunku dengan menubuhkan Perikatan, yang kemudian menjadi Barisan Nasional.

Beliau juga menyeru orang ramai memberi sumbangan kepada tabung memorial yang kini telah mengutip RM13,827,302.

Jamuan malam itu diadakan bagi mereka yang telah menyumbang kepada tabung itu, yang dilancarkan pada Oktober 1991. -- Bernama